

11 NOV 1999

Samy-MIC

MIC SUDAH BERSEDIA HADAPI PILIHAN RAYA UMUM, KATA SAMY VELLU

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- MIC akan memulakan siri-siri aktiviti dan programnya bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang, termasuk mengetengahkan kejayaan parti itu sejak 20 tahun lepas, kata presidennya Datuk Seri S. Samy Vellu.

Kejayaan-kejayaan parti itu sedang didokumentasikan dalam sebuah buku yang memaparkan kemajuan politik, ekonomi dan sosial masyarakat India di bawah Barisan Nasional dan MIC.

Ia akan diterbitkan dalam Bahasa Melayu, Inggeris dan Tamil.

Samy Vellu berkata jentera pilihan raya parti itu di semua negeri sudah bersiap sedia berikutan pembubaran Parlimen hari ini.

Menteri Kerja Raya itu memberitahu Bernama demikian ketika dihubungi menerusi telefon bimbitnya semasa dalam perjalanan balik selepas menghadiri Persidangan Sistem Pengangkutan Pintar Dunia di Toronto, Kanada.

Samy Vellu berkata beliau akan memanggil mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pusat MIC tidak lama lagi bagi membincangkan pelbagai perkara berkaitan pilihan raya umum.

"Berbekalkan kejayaan selama 53 tahun, kita akan berhadapan dengan pembangkang di medan perang," katanya.

Menurutnya sejak MIC dibentuk 53 tahun lepas, parti itu sudah bekerja keras bagi melindungi kepentingan masyarakat India di negara ini.

Samy Vellu enggan menghuraikan mengenai senarai calon parti yang akan bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

Semalam, beliau nama calon-calon MIC akan diumumkan selepas diluluskan oleh Perdana Menteri dan Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Senarai calon-calon MIC akan diumumkan di sini di hadapan pemimpin bahagian parti itu, katanya.

Setiausaha agung MIC Tan Sri K.S. Nijhar pula berkata bilik operasi MIC di semua kawasan pilihan raya parti itu sudah bersiap sedia.

Pada pilihan raya umum 1995, MIC memenangi kesemua tujuh kerusi Parlimen dan 15 kerusi Dewan Undangan Negeri yang ditandinginya.

Kerusi Parlimen itu ialah Sungai Siput dan Tapah (Perak), Kapar, Subang dan Hulu Selangor (Selangor), Teluk Kemang (Negeri Sembilan) dan Segamat (Johor).

Kerusi negeri pula ialah Ijok, Kota Raja dan Sungai Tua (Selangor), Hutan Melintang, Sungkai dan Pasir Panjang (Perak), Pasir Gudang dan Tenggara (Johor), Sabai (Pahang), Jeram Padang dan Sirusa (Negeri Sembilan), Bukit Selambau dan Lunas (Kedah), Prai (Pulau Pinang), dan Bukit Asahan (Melaka).

Sebelum ini, Samy Vellu telah berkata bahawa parti itu akan mengemukakan beberapa mula baru pada pilihan raya umum kali ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan Datuk M. Mahalingam, anggota Parlimen Subang, berkata hari ini bahawa beliau tidak akan bertanding semula kali ini.

-- BERNAMA

ES LAT MAI